



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Sinar Harian
Date	18/3/2011

Dr Mahathir, Siti Hasmah terima Ijazah Kehormat UniMAP

KANGAR - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah semalam menerima ijazah kehormat ulung Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada majlis konvokesyen khas di sini.

Dr Mahathir menerima Ijazah Kehormat Ulung Doktor Kejuruteraan, manakala Dr Siti Hasmah dianugerahi Ijazah Kehormat Ulung Doktor Sains.

Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Canselor UniMAP menyampaikan ijazah kehormat itu kepada mereka dan turut disaksikan Raja Puan Muda Perlis Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil selaku Pro Canselor UniMAP.

Menerusi titah ucapan sempena konvokesyen itu, Raja Muda Perlis menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin yang banyak membawa perubahan dalam pembangunan negara.

"Sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun, banyak perubahan dari segi struktur politik, ekonomi dan sosial dilaksanakan melalui konsep Wawasan 2020 dipeloporinya," titah baginda.

Raja Muda Perlis bertitah,



• Tuanku Syed Faizuddin (kanan) berkenan menyampaikan Ijazah Kehormat Ulung Doktor Kejuruteraan kepada Tun Dr Mahathir, semalam.

di sebalik kejayaan Dr Mahathir, Dr Siti Hasmah, isteri yang sentiasa bersamanya mengharungi kehidupan dan perjuangannya untuk negara.

Sementara itu, Dr Mahathir dalam ucapannya pada majlis itu mahu budaya membaca dan mengejar ilmu disemarakkan di institusi pendidikan tinggi supaya mampu bersaing di peringkat global.

"Pada masa ini, terlalu ramai yang memberi fokus terhadap penyelidikan dan

pembangunan, tetapi mengabaikan penerbitan hasil penyelidikan," katanya.

Menurutnya, jika universiti tempatan mahu berada dalam kelompok universiti bertaraf dunia, mereka perlu memperbanyakkan penerbitan buku dan jurnal.

Hadir sama, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu; Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP, Tan Sri Dr Zainul Ariff Hussain dan Naib Canselor UniMAP, Profesor Datuk Dr Kamaradin Hussin.